

# Pembinaan kampus KUTKM turut majukan Alor Gajah

Archival News | Berita Harian | 01/05/2003 | Author: Daud Awang

PEMBINAAN kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Mukim Durian Tunggal boleh dianggap sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di daerah Alor Gajah dan bandar kecil sekitarnya.

Selain mewujudkan peluang pendidikan, pembinaan KUTKM yang dilaksanakan oleh konsortium Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Putra Perdana Construction Sdn Bhd (PPCSB) dan Cobrain Holdings Sdn Bhd (CHSB) pastinya membuka banyak peluang baru termasuk pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan.

Pembinaan KUTKM mencatat sejarahnya tersendiri apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan upacara pecah tanah kampus tetap kolej berkenaan pada 25 Januari lalu.

Dengan siapnya pembinaan fasa pertama KUTKM pada pertengahan tahun depan, ia menjadi mercu tanda perkembangan pendidikan di negeri ini apabila muncul sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang pertama di negeri ini.

Ini adalah selaras dengan hasrat Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mahu melahirkan sekurang-kurangnya 100,000 pelajar menjelang 2010 iaitu Wawasan Melaka Maju 2010.

KUTKM yang ditubuhkan pada tahun 2000 kini beroperasi di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh, Melaka.

Bilangan pelajar kolej universiti itu pada masa ini ialah 1,400 orang dan pengambilan pelajar bagi sesi 2003/2004 Jun depan ialah seramai 1,500 orang.

Mengikut fasa pembangunan KUTKM dijangka mempunyai 4,000 pelajar pada 2004, diikuti 5,500 pada tahun 2005 dan 10,000 pelajar pada tahun 2010.

Pembinaan kampus tetap bernilai RM770 juta dilaksanakan oleh konsortium terbabit kini rancak dilaksanakan termasuk kerja awal meratakan tanah yang kini siap 100 peratus.

Selain itu, kerja pembinaan infrastruktur lain termasuk parit dan longkang kini sudah 25 peratus dilaksanakan manakala pemasangan struktur konkrit akan bermula tidak lama lagi.

"Sebagai kontraktor utama, kami yakin pembinaan kampus tetap ini dapat disiapkan mengikut jadual.

"Ini berikutan semua kerja awal berjalan mengikut jadual yang ditetapkan termasuk bayaran pampasan kepada pemilik tanah yang terbabit dalam projek ini," kata Ketua Pegawai Operasi KMB, Zainal Abu.

Beliau berkata, pembinaan fasa pertama kampus tetap KUTKM adalah berdasarkan reka dan bina yang memudahkan kerja pelaksanaannya.

Antara kemudahan fasa pertama di kampus berkenaan ialah bangunan pentadbiran dan canselori, blok fakulti kejuruteraan, dewan utama, perpustakaan, rumah kediaman kakitangan dan hostel pelajar, rumah pengetua dan kemudahan rekreasi termasuk padang bola sepak, gelanggang tenis dan bola tampar.

Selain itu, stadium mini turut dibina untuk kemudahan sukan warga kampus.

"Konsortium mengambil pendekatan yakin selaras dengan hasrat Ketua Menteri mahukan sebuah IPTA dapat diwujudkan di negeri ini. Bagi pihak konsortium, kami memegang amanah ini dan akan memastikan kampus tetap

KUTKM akan disiapkan mengikut jadual," katanya.

Fasa kedua pembinaan KUTKM dijangka disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9) oleh konsortium terbabit.

(END) Source : Berita Harian